

# UMSKAL adakan Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti 5S

UB 4-5-2013 CI

UNIVERSITI Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mengadakan Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti 5S pada 11 Jun depan di Dewan Theatre.

Menurut jurucakap penganjur, Didiroy Dickson Joneh, sebanyak 15 kumpulan akan menyertai konvensyen yang pertama kali diadakan itu.

Katanya, pemenang

akan mewakili UMSKAL ke peringkat Wilayah Sabah, Sarawak dan Labuan di Kota Kinabalu pada 3-4 Julai.

Beliau berkata, johan akan menerima RM500 dan piala pusingan, kedua RM300 dan ketiga RM200, dan kesemua pemenang juga akan menerima sijil penyertaan.

Sehubungan itu, satu taklimat mengenai konvensyen itu telah disampaikan oleh Pegawai Perunding Perbadanan Produktiviti Malaysia

(MPC) Cawangan Sabah, Edward Binty di Bilik Seminar pada Khamis lalu.

UMSKAL telah menerima persijilan amalan persekitaran berkualiti 5S daripada MPC pada 2011 dan 2012.

**EDWARD (lima kiri) bersama Ketua Pelaksana Amalan 5S UMSKAL yang menghadiri taklimat Konvensyen Amalan Persekitaran Berkualiti 5S di Bilik Seminar Khamis lalu.**

